



KENYATAAN MEDIA

WILAYAH PERSEKUTUAN SAMPAIKAN INSENTIF RM50,000 HARGAI PENCAPAIAN SOH WOUI YIK PADA SUKAN OLIMPIK 2020 TOKYO

KUALA LUMPUR, 13 September – Wilayah Persekutuan mengiktiraf pencapaian Soh Wooi Yik yang memenangi pingat gangsa dalam acara berpasangan lelaki pada Sukan Olimpik 2020 Tokyo baru-baru ini dengan menyerahkan insentif wang tunai berjumlah RM50,000.

Biarpun Wooi Yik tampil buat kali pertama pada Sukan Olimpik 2020 Tokyo bergandingan dengan Aaron Chia, gandingan negara itu tidak gentar menundukkan beregu pilihan utama bagi membolehkan pasangan itu merangkul pingat gangsa yang juga pingat sulung negara pada temasya itu.

Bakat Wooi Yik dalam sukan badminton bermula sejak di bangku persekolahan lagi dan atlet Wilayah Persekutuan itu mencipta nama di peringkat tempatan dan juga antarabangsa sehinggalah mencapai kejayaan terbesar di temasya Olimpik pada bulan lepas.

Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim menyampaikan insentif RM50,000 hari ini sambil disaksikan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias dan Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Datuk Haji Ramlan Haji Shahean@Askolani di Menara DBKL.

“Penyampaian insentif hari ini diadakan secara sederhana namun penuh bermakna untuk kita sama-sama meraikan dan mengiktiraf usaha gigih pemain badminton, Soh Wooi Yik yang bergandingan dengan Aaron Chia dalam acara berpasangan lelaki bagi menghadihkan pingat gangsa buat Malaysia pada Sukan Olimpik 2020 Tokyo.

“Bakat Wooi Yik yang kini berumur 23 tahun digilap sejak di bangku sekolah lagi di Wilayah Persekutuan sehinggalah seluruh dunia menyaksikan kejayaan Wooi Yik memenangi pingat gangsa pada temasya Olimpik baru-baru ini,” kata Menteri Wilayah Persekutuan.

Untuk makluman tambahan, Wooi Yik pernah mewakili Wilayah Persekutuan sebanyak tiga kali iaitu pada SUKMA 2014 di Perlis, SUKMA 2016 di Sarawak menyaksikan Wooi Yik memenangi satu pingat gangsa acara beregu lelaki dan memenangi 2 perak acara beregu lelaki dan campuran pada SUKMA 2018 di Ipoh.

Pada Sukan Olimpik 2016 di Rio, atlet Wilayah Persekutuan turut menyumbang pingat buat negara pada temasya terbesar dunia itu apabila pemain badminton Goh V Shem merangkul pingat perak dalam acara beregu lelaki bergandingan dengan Tan Wee Kiong.

Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiati binti Rosly (012-6548155).

TAMAT